

Pemuda mahu luaskan mesej keamanan di peringkat negara, sejagat

“Sepanjang lima tahun lalu, saya melihat sektor ini berkembang dengan pesat dengan adanya sokongan kuat daripada pemerintah. Kini terdapat banyak inisiatif dari bawah ke atas dan melibatkan pelbagai pihak. Ini suatu perkembangan baik.”

— Pengasas dan Presiden Roses of Peace, Encik Mohamed Irshad Abbas Ali.

SEMAI BIBIT KEPERCAYAAN: Encik Mohamed Irshad Abbas Ali yakin dengan langkah positif untuk menyemai bibit persefahaman dan kepercayaan dalam masyarakat. — Foto BM oleh NAZRY MOKHTAR



► NAZRY MOKHTAR
nazry@sph.com.sg

APABILA paparan kartun Nabi Muhammad oleh majalah satira *Charlie Hebdo* mencetus api kemarahan umat Islam pada 2012, bahangnya turut dirasakan Encik Mohamed Irshad Abbas Ali.

Namun, suara hati dan bisikan naturi pemuda berusia 28 tahun itu mencegah beliau daripada bertindak balas secara membuta tuli.

Scholiknya, akal fikiran dan tenaga disalurkan secara positif dengan menyemai bibit-bibit persefahaman dan kepercayaan dalam masyarakat.

Ini dilakukan menerusi penubuhan *Roses of Peace* (ROP) atau Mawar Keamanan, satu gerakan yang memupuk keamanan dan keharmonian antara kaum dan agama.

Pada masa itu, beliau masih lagi menuntut di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Kerja-kerja pertubuhan pula bagaikan sudah mendarah daging dalam jiwanya kerana, sebagai mahasiswa, beliau sudahpun mengasas dan memimpin empat pertubuhan mahasiswa di SMU — dalam bidang-bidang keusahawanan, kewangan Islam, politik dan persatuan Muslim.

Ditanya mengapa lambang mawar menjadi pilihan, Encik Mohamed Irshad, seorang pedagang komoditi dan merupakan Pengasas dan Presiden ROP, berkata:

“Mawar adalah lambang universal untuk cinta, keamanan dan keharmonian. Kami ingin mencontohi sifat rahmah dan mulia yang dicerminkan Nabi Muhammad s.a.w serta segala tradisi agama lain dan kami mengambil langkah pertama melalui penyebaran bunga mawar.”

Sejak ditubuhkan enam tahun lalu, ROP telah membahagikan lebih 40,000 kuntum bunga mawar dalam acara tahunan yang dijayakan sukarelawan belia berbilang bangsa.

Setiap kuntum mawar diletakkan dengan sekeping kad yang memuatkan mesej cinta, keamanan dan keharmonian oleh ketua-ketua agama yang dihormati.

ROP kini mempunyai seramai lebih 2,000 sukarelawan, menjadikannya antara gerakan belia berbilang agama terbesar di Singapura.

Seramai 40 peratus sukarelawan terdiri daripada belia Islam dan selebihnya bukan Islam.

Badan bukan mencari untung itu mendapat sokongan kewangan daripa-

da agensi pemerintah dan badan lain dan kini dalam proses didaftarkan sebagai pertubuhan amal, kata Encik Mohamed Irshad, yang belum pernah menang dan juga mantan Presiden Persatuan Muslim SMU.

“Saya gembira melihat beliau mengenali satu sama lain dan menjalin persahabatan merentasi agama.”

“Ada beliau bukan Islam berkata mereka tidak pernah berkawan dengan orang Islam.”

“Begitu juga dengan sesetengah belia Islam dengan rangkaian kenalan masing-masing.”

“Kami berbesar hati dapat memainkan peranan menyatukan belia-belia ini,” ujar bekas penuntut Sekolah Menengah Commonwealth dan Maktab Rendah Anglo-Chinese itu yang meraih Sarjana Muda dalam Pengurusan Perniagaan daripada SMU pada 2014.

Selain pengagihan bunga mawar, ROP juga menganjurkan dialog dan forum silang agama yang memberi peluang kepada belia mengemukakan kemusykilan tentang agama dan budaya lain.

Itar taburan turut dianjurkan untuk memberi pemahaman lebih baik kepada masyarakat bukan Islam tentang ibadah berpuasa.

Gerakan itu juga telah melatih dan mentek 30 belia sebagai Duta Mawar Keamanan untuk menyebarkan mesej keharmonian, kata beliau yang juga aktif sebagai sukarelawan akar umbi di Chong Pang.

Ditanya pengamatannya tentang trend dalam kegiatan silang budaya dan agama di Singapura, beliau, yang baru dilantik sebagai anggota dalam Lembaga Penasihat Global Kepimpinan Masyarakat Facebook, wadah kemasyarakatan syarikat gergasi media sosial itu, berkata:

“Sepanjang lima tahun lalu, saya melihat sektor ini berkembang dengan pesat dengan adanya sokongan kuat daripada pemerintah.”

“Kini terdapat banyak inisiatif dari bawah ke atas dan melibatkan pelbagai pihak. Ini suatu perkembangan baik.”

“Tetapi kita tidak harus leka kerana kerja-kerja ini tidak akan selesai dan memerlukan komitmen yang berterusan.”

Mengenai rancangan masa depan gerakan itu, beliau berharap dapat mendekati dan bekerjasama dengan badan antarabangsa untuk meluaskan mesej kedamaian ke seluruh pelosok dunia.